



HASiL

# KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/07/21 - 56

## GARIS PANDUAN UMUM E-INVOIS TAHUN 2023 KINI BOLEH DIAKSES MULAI 21 JULAI 2023

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) menerusi beberapa siri jelajah yang telah dilaksanakan merangkumi beberapa zon terpilih iaitu Lembah Klang, Zon Utara, Zon Sarawak dan Zon Sabah terus komited dalam mengatur strategi seterusnya bagi memastikan kejayaan inisiatif e-invois mengikut garis masa yang telah dirancang.

Sehubungan itu, HASiL ingin memaklumkan bahawa **Garis Panduan Umum E-Invois Tahun 2023** telah dimuat naik ke Portal Rasmi HASiL sebagai rujukan dan panduan kepada pembayar cukai meliputi skop pelaksanaan seperti yang berikut:

- Konsep pelaksanaan e-invois;
- Garis masa pelaksanaan e-invois;
- Proses pengeluaran dan penyerahan e-invois kepada HASiL;
- Panduan penilaian kesediaan pembayar cukai; dan
- Spesifikasi medan data yang diperlukan.

Pembayar cukai boleh mengakses dan memuat turun garis panduan ini beserta soalan lazim (FAQ) menerusi pautan <https://www.hasil.gov.my/e-invois/>.

HASiL mengalu-alukan sebarang pandangan dan maklum balas berhubung pelaksanaan e-invois yang boleh disalurkan menerusi e-mel rasmi [myinvois@hasil.gov.my](mailto:myinvois@hasil.gov.my).

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public>

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**LEADING CHANGE // DRIVING EXCELLENCE**

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 21 Julai 2023**